

Jawab semua soalan.

1 (a) Firman Allah SWT:

قَدْ خَلَتْ مِنْ قَبْلِكُمْ سُنَنٌ فَسِيرُوا فِي الْأَرْضِ فَانظُرُوا كَيْفَ كَانَ عَاقِبَةُ الْمُكْذِبِينَ
 ١٣٧ هَذَا بَيَانٌ لِلنَّاسِ وَهُدًى وَمَوْعِظَةٌ لِّلْمُتَّقِينَ ١٣٨ وَلَا تَهْنُوا وَلَا تَحْزَنُوا
 وَأَنْتُمْ الْأَعْلَوْنَ إِنْ كُنْتُمْ مُؤْمِنِينَ ١٣٩
 (Surah Ali Imran: 137-139)

Ayat di atas menjelaskan sunnatullah terhadap semua makhluk.

Berdasarkan ayat di atas,

- (i) Nyatakan maksud sunnatullah. [2 markah]
- (ii) Senaraikan **dua** konsep sunnatullah. [2 markah]
- (iii) Terangkan **dua** pengajaran ayat di atas. [4 markah]

(b) Sabda Rasulullah SAW:

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ ، يَقُولُ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ:
 «كُلُّكُمْ رَاعٍ، وَكُلُّكُمْ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ، الْإِمَامُ رَاعٍ وَمَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ، وَالرَّجُلُ رَاعٍ فِي أَهْلِهِ وَهُوَ
 مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ، وَالْمَرْأَةُ رَاعِيَّةٌ فِي بَيْتِ زَوْجِهَا وَمَسْئُولَةٌ عَنْ رَعِيَّتِهَا، وَالْحَادِمُ رَاعٍ فِي مَالِ سَيِّدِهِ
 وَمَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ» قَالَ: - وَحَسِبْتُ أَنْ قَدْ قَالَ - «وَالرَّجُلُ رَاعٍ فِي مَالِ أَبِيهِ وَمَسْئُولٌ عَنْ
 رَعِيَّتِهِ، وَكُلُّكُمْ رَاعٍ وَمَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ»

(رواية البخاري)

Hadis di atas menjelaskan tentang golongan yang diberi tanggungjawab sebagai pemimpin.

Berdasarkan hadis di atas,

- (i) Senaraikan **dua** golongan yang diberi tanggungjawab selain anak. [2 markah]
- (ii) Nyatakan **dua** nasihat Luqman al-Hakim kepada anaknya dalam surah Luqman: 12-19? [2 markah]
- (iii) Terangkan tanggungjawab anak terhadap ibu bapa. [2 markah]



Sumber Sinar Harian: 17 Mac 2023

- (iv) Berdasarkan keratan akhbar di atas, bincangkan implikasi kepada institusi kekeluargaan. [4 markah]
- (c) Namakan **dua** bahagian *ibtida'*. [2 markah]
- 2 (a) Berpegang teguh dengan ajaran Islam sebenar dapat menyelamatkan seseorang daripada ajaran sesat. [2 markah]
- (i) Apakah pluralisme agama? [2 markah]
- (ii) Terangkan **dua** kesan ajaran sesat kepada negara dari sudut politik. [4 markah]



- (iii) Kemukakan pandangan anda berkaitan situasi di atas dalam konteks pendidikan di Malaysia. [4 markah]

- (b) Pegangan aliran Syiah, Khawarij dan Muktazilah adalah aliran yang bertentangan dengan Ahli Sunnah Wal Jamaah.

(i) Nyatakan sejarah kemunculan Syiah. [2 markah]

(ii) Terangkan **dua** prinsip Syiah. [4 markah]

“Ciri berkaitan ajaran Syiah perlu didedahkan kepada masyarakat Islam supaya akidah mereka terselamat daripada kesesatan”.

Zamri Hashim (Timbalan Mufti Perak)

Sumber: *My Metro* 20 November 2018

(iii) Cadangkan tindakan yang boleh dilakukan oleh pihak pemerintah untuk merealisasikan pernyataan tersebut. Bincangkan. [4 markah]

- 3 (a) Solat sunat dapat menampung kekurangan ibadah fardu namun terdapat solat sunat dilaksanakan kerana tujuan tertentu.

(i) Nyatakan maksud solat sunat dhuha. [2 markah]

(ii) Terangkan **dua** hikmah solat sunat dhuha. [4 markah]

Masyarakat sering menganggap bahawa solat sunat dhuha dilakukan bertujuan untuk menambah rezeki semata-mata.

(iii) Huraikan hujah anda untuk menolak pernyataan di atas. [4 markah]

(b) (i) Apakah maksud wasiat? [2 markah]

(ii) Jelaskan **dua** cara pengurusan wasiat. [2 markah]

(iii) Terangkan **dua** hikmah pensyariatan wasiat. [4 markah]

(c) Nyatakan **hukum** bagi perkara berikut:

(i) Ahmad mewariskan 1/4 harta kepada anak perempuan tunggalnya.

(ii) Susila mewasiatkan rumah yang dimiliki untuk anak yang bakal dilahirkan. [2 markah]

Join SPM Study Group
<https://spmpaper.me/group>



4 (a) Pemerintahan kerajaan Abbasiyah telah berlangsung selama 524 tahun.

(i) Lengkapkan jadual di bawah berkaitan kerajaan Abbasiyah.

Bilangan khalifah	
Pusat pemerintahan	

[2 markah]

(ii) Huraikan **dua** faktor kemerosotan kerajaan Abbasiyah dari aspek sosial.

[4 markah]

Kita patut mengekalkan nikmat kemerdekaan yang dikecapi agar kemakmuran negara sentiasa dapat dinikmati oleh segenap lapisan masyarakat. Namun begitu, dalam mencapai nikmat kemakmuran dan kesejahteraan itu, apakah persediaan dan peranan generasi muda terutama dalam mengisi kemerdekaan ini?

Pn. Nor Hatini binti Saari
Sumber: *Berita Harian* (02.09.2014)

(iii) Berdasarkan petikan akhbar di atas, bincangkan peranan generasi kini kepada negara.

[4 markah]

(b) Ahmad bin Ibrahim adalah salah seorang cendekiawan negara.

(i) Senaraikan **dua** buah buku hasil karya beliau.

[2 markah]

(ii) Jelaskan ketinggian akhlak Ahmad bin Ibrahim.

[2 markah]

(iii) Jelaskan **dua** jawatan hakim yang disandang oleh beliau.

[2 markah]

(iv) Terangkan **dua** iktibar yang boleh diambil daripada keunggulan tokoh Ahmad bin Ibrahim.

[4 markah]

5 (a) Wasatiah bermaksud pendekatan yang sederhana, seimbang, adil dan cemerlang dalam setiap tindakan.

(i) Apakah maksud kesederhanaan dalam prinsip wasatiah?


[2 markah]

(ii) Jelaskan **dua** aspek kesederhanaan tersebut.

[2 markah]

(iii) Terangkan kebaikan mengamalkan prinsip wasatiah dalam kehidupan.

[2 markah]



Rajah 1

- (iv) Rajah 1 menunjukkan ciri golongan *Ummatan Wasatan*. Sebagai seorang murid, bagaimanakah anda memastikan diri anda termasuk dalam golongan tersebut? [4 markah]
- (b) (i) Nyatakan maksud istiqamah. [2 markah]
- (ii) Terangkan **dua** cara memupuk sifat istiqamah dalam kehidupan. [4 markah]

Seorang diri mengayuh sampan
Sampan dikayuh dengan tabah
Rajin usaha tangga kejayaan
Kita berjaya berkat istiqamah

- (iii) Berdasarkan petikan pantun di atas, kemukakan pandangan anda tentang kepentingan memiliki sifat istiqamah. [4 markah]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT